

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Bentuk bahasa campuran, iaitu percampuran dan penukaran dua atau lebih bahasa dalam satu ungkapan atau perbualan sering kedengaran dalam perbualan masyarakat Malaysia (David, 2003). Penggunaan bahasa campuran ini bukan sahaja berlaku dalam perbualan harian, malah berlaku juga dalam drama, lagu, iklan dan juga dalam penulisan. Kewujudan bentuk bahasa seperti ini didapati dalam masyarakat *bilingual* dan *multilingual* seperti di Malaysia. Ini bermaksud ahli-ahli dalam sesebuah masyarakat *bilingual* atau *multilingual* mengetahui dan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa atau lebih.

Pada zaman yang pantas menuju ke era kemodenan kini, jelas sekali kelihatan bahawa kumpulan etnik yang minoriti terlalu cepat dipengaruhi bahasa dan budayanya oleh kumpulan etnik majoriti yang mempunyai kuasa politik dan ekonomi yang kukuh (Asmah Hj. Omar, 1985). Pengaruh itu meresap melalui beberapa saluran, iaitu melalui sains dan teknologi, politik, sosial dan ekonomi, sehinggakan timbulnya fenomena penukaran atau percampuran kod. Menurut ahli bahasa Scotton (1988), penukaran kod yang dikenali sebagai '*code switching*' merupakan salah satu fenomena linguistik yang lazimnya wujud dalam kalangan penutur dwibahasa atau dalam kalangan penutur yang '*multilingual*'.

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penduduk Semenanjung Malaysia selalu dianggap sebagai sebuah masyarakat majmuk atau masyarakat berbilang kaum di mana terdapat tiga etnik terbesar, iaitu

Melayu, India dan Cina (Rohaini Razali, 2006). Menurut bancian Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), kaum Melayu merupakan kaum majoriti (65.1%), diikuti oleh kaum Cina (26.0%) dan kaum India (7.6%) yang mana mengamalkan kebudayaan adat resam, agama dan bahasa masing-masing. Setiap kaum mempunyai keperibadian budaya yang tersendiri yang diwarisi turun temurun (Tang Chee Yee, 1993). Tiga etnik ini bersatu di atas satu ikatan kerakyatan dan di bawah sebuah pemerintahan demokrasi beraja berperlembagaan dengan satu cara hidup yang dipersetujui bersama (Rohaini Razali, 2006).

Ini bererti masyarakat Malaysia mengandungi lebih daripada satu kategori bangsa yang mempunyai sifat-sifat tersendiri sama ada dari segi kebudayaan, nilai dan norma kehidupan masing-masing. Jadi, di samping sifat berbilang budaya, masyarakat Malaysia juga terdiri daripada berbilang bangsa dan kaumnya. Masyarakat Malaysia juga mempunyai budaya yang membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain. Budaya merupakan perlakuan manusia yang dipelajari dan bersifat simbolis, merupakan suatu reaksi manusia terhadap penyesuaian hidup dengan alam sekeliling (Sunthanthiradevi, 2001).

Masyarakat majmuk di Malaysia menurut pelbagai bahasa (Rohaini Razali, 2006). Setiap kaum yang berlainan menggunakan bahasa tertentu dalam aktiviti harian sesama mereka kecuali apabila mereka berhubung dengan kaum-kaum lain. Maka bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa atau campuran kedua-dua bahasanya digunakan selain daripada bahasa ibunda masing-masing.

Rakyat Malaysia yang berbilang etnik menggunakan bahasa yang sesuai mengikut keperluan mereka dan berdasarkan prinsip bahasa negara. Oleh yang demikian, pertembungan antara bahasa adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan. Pemilihan bahasa pertuturan oleh sesuatu kumpulan etnik bergantung pada faktor-faktor seperti politik, ekonomi dan gaya hidup (Amutharasi, 2006).

### **1.1.1 Masyarakat India Di Malaysia**

Menurut kajian Murasu Nedumaran (1997), dan Kulandasamy (1989), didapati penghijrahan orang-orang india ke Malaysia bermula pada akhir abad ke-12. Menurut Malarvizhi (2006) pula, kaum india telah mula berhijrah ke Tanah Melayu sejak 200 tahun yang lalu, iaitu sejak Selat Melaka menjadi tempat pertembungan bagi pedagang-pedagang, terutamanya sebagai pedagang kain, buruh, tentera dan banduan. Pada akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20, penjajah British mendapati India sebagai tempat mendapatkan buruh untuk bekerja di ladang-ladang kopi, tebu dan getah milik mereka. Mereka ingin mendapatkan buruh-buruh yang murah, patuh dan senang dikawal. Dalam tahun 1880an, Hugh Low dan Frederick telah mendapatkan permit daripada kerajaan British untuk mengimport buruh-buruh dari India untuk bekerja di ladang-ladang milik mereka di Tanah Melayu.

Walaupun kaum India merupakan kaum minoriti di Malaysia, mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan etnik kecil mengikut bahasa ibunda mereka. Antara bahasa yang dipertuturkan ialah bahasa-bahasa rumpun Dravida iaitu bahasa Tamil, Telugu, Malayalam, Kannada dan bahasa Indo-Arya yang terdiri daripada bahasa Punjabi, Gujerathi serta Hindi. Kebanyakan mereka yang telah diambil bekerja di ladang-ladang adalah daripada golongan Tamil. Oleh kerana majoriti daripada mereka adalah

berketurunan Tamil, maka Bahasa Tamil digunakan dengan meluas sebagai bahasa utama atau bahasa perantaraan dalam kalangan orang India di Malaysia. Jadual 1.1 menjelaskan fakta ini.

**Jadual 1.1 Bilangan Rakyat Malaysia Berketurunan India**

<b>Bangsa</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratusan</b>
Tamil	693,924	696,727	1,390,651	88 %
Telugu	19,206	19,668	38,874	2.5 %
Malayali	17,324	17,920	35,244	2.2 %
Punjabi	27,708	27,198	54,906	3.5 %
Sri Lankan	4,127	4,392	8,519	0.5 %
Singgalam	781	820	1,601	0.1 %
Benggali	1,677	1,207	2,884	0.2 %
Pakistan	3,895	3,295	7,190	0.5 %
Lain-Lain	20,601	19,740	40,341	2.6 %
Jumlah	789,243	790,967	1,580,210	100 %

Jabatan Perangkaan Malaysia (2000)

### 1.1.2 Bahasa Tamil

Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang tertua di dunia dan mempunyai sejarah perkembangannya yang tidak terputus dalam peredaran zaman. Bahasa Tamil merupakan bahasa yang melambangkan identiti bangsa Tamil yang asal-usulnya bermula di India Selatan. Ia merupakan bahasa klasik dan salah sesuatu bahasa utama dalam rumpun Bahasa Dravidia dengan sejarah yang menjangkau 3000 tahun dan hasil sastera yang berusia lebih 2000 tahun (Murasu Nedumaran, 1997). Asal-usul bahasa Tamil tidak berapa jelas. Bahasa ini dituturkan secara meluas oleh bangsa Tamil di India Selatan dan Sri Lanka. Bahasa Tamil juga dituturkan oleh komuniti kecil di negara lain. Setakat tahun 1996, bahasa ini menjadi bahasa ke-18 paling banyak dituturkan di dunia, dengan jumlah penuturnya melebihi 74 juta orang (Murasu Nedumaran, 1997).

Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan diajar sebagai bahasa kedua (elektif) di beberapa Sekolah Kebangsaan. Mata pelajaran bahasa Tamil ditawarkan dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu, pengajian bahasa dan kesusasteraan Tamil pada peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran juga ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu di Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, guru-guru Bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah dilatih di tujuh buah Kampus Institusi Pendidikan Guru (IPG) iaitu, kampus Raja Melewar, kampus Tuanku Bainun, kampus Tengku Ampuan Afzan, kampus Temenggung Ibrahim, kampus Pulau Pinang, Kampus Sultan Abdul Halim dan Kampus Ipoh.

### **1.1.3 Perkembangan Muzik Tamil di Malaysia**

Bidang Muzik di Malaysia mula berkembang pesat selepas zaman kemerdekaan dan pembentukan Malaysia (Asnida bt Gani, 1997). Dua jenis muzik baru iaitu muzik komtemporari dan muzik popular atau yang dipanggil rock Malaysia telah mula berkembang di Malaysia. Walaupun Lagu-lagu baru dicipta berdasarkan muzik barat, tetapi lagu-lagu ini memperlihatkan ciri-ciri keperibadian Malaysia (Asnida bt Gani (1997).

Pada tahun 60-an, tema kemasyarakatan dimanfaatkan oleh pelirik lagu untuk mencipta lagu-lagu baru. Mereka telah menghasilkan lagu-lagu yang menyemarakkan kemerdekaan, semangat bangsa Malaysia, cinta pada tanah air, ketuhanan, dan

percintaan. Tahun 80-an pula, memperlihatkan kehadiran banyak penyair tempatan yang mula mencipta lirik bagi lagu-lagu tempatan.

Pada mulanya melodi sajak dikatakan hambar dan tidak menarik kerana tidak menonjolkan unsur hiburan, kecuali apabila ia diberi nafas baru dengan muzik moden dan dikomersialkan dalam bentuk kaset seperti lagu-lagu pop.

Kemunculan penulis-penulis lirik lagu yang baru menampakkan satu arus peralihan dalam gerakan lagu itu sendiri. Setiap pencipta lagu bertolak dari daerah yang sama iaitu dari kehadiran dan kewujudan dirinya. Seseorang penulis lagu, yang menyuarakan perasaannya atau melontarkan persoalan hidupnya tidak hanya menyuarakan perasaan dirinya tetapi juga melukiskan impian masyarakat dan zamannya (Wan Zahari, 1999).

Penciptaan lagu-lagu Tamil tempatan sudahpun bermula sebelum tahun 70an. Re. Shanmugam dan N. Mariyappan adalah antara orang yang terkenal menghasilkan lagu-lagu Tamil tempatan sejak tahun 70an. Tetapi kebanyakannya tidak mendapat sambutan yang baik disebabkan gubahan muziknya tidak canggih seperti mana yang dihasilkan di negara India dan ianya hanya diperdengar melalui radio sahaja. Kedua-dua penyanyi ini telah menggubah banyak lagu, tetapi tidak mempunyai rekod penyimpanan lirik-lirik mereka. Maka, walaupun sudah adanya lagu-lagu Tamil tempatan dari dulu lagi, tetapi ianya tidak menyerlah seperti mana lagu-lagu Tamil yang diimport dari India (Seenai Naina Muhamad, 2009).

Titik peralihan dalam perkembangan dan pembaharuan lagu-lagu Tamil tempatan boleh dikatakan bermula dengan penghasilan sebuah lagu Tamil tempatan yang disajikan oleh kumpulan 'The Keys' yang berjudul 'akka make' pada tahun 1994 (Seeni Naina Muhamad, 2009).

Pengaruh lagu 'akka make' telah membangkitkan naluri golongan muda India di Malaysia, di mana telah menyuntik semangat dan kepercayaan pada diri mereka bahawa anak tempatan juga mampu mencipta lagu dan album sendiri serta tidak perlu hanya bergantung pada lagu-lagu Tamil yang di import dari India. Lagu 'akka make' dikenali sebagai '*Samba Rock*', sejenis muzik *Rock* yang mengutamakan penggunaan gitar, drum dan *keyboard*.

Percampuran kod (*code-mixing*) dan penukaran kod (*code-switching*) merupakan fenomena biasa dalam kalangan mereka yang boleh berbahasa lebih daripada satu bahasa. Percampuran dan penukaran kod berlaku apabila seorang yang bertutur, mencampuradukkan bahasa semasa berkomunikasi dengan satu sama lain. Fenomena ini amat berleluasa di Malaysia kerana pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil serta pelbagai dialek bahasa Melayu dari suku kaum rakyat pribumi dituturkan oleh rakyatnya.

Percampuran dan penukaran kod yang wujud dalam pertuturan biasa mungkin berbeza dengan percampuran dan penukaran kod yang wujud dalam lirik lagu. Percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu adalah suatu gaya unik yang digunakan oleh artis dalam lirik lagu bertujuan untuk membawa pembaharuan. Artis sentiasa inginkan bahawa bahasa yang digunakan dalam lagu mereka akan diterima oleh peminat.

Tambahan pula, perkembangan media massa telah memesatkan lagi fenomena percampuran dan penukaran kod dalam lagu-lagu Tamil tempatan moden berbanding lagu-lagu Tamil tradisional. Selain itu, artis menggunakan percampuran dan penukaran kod dalam lagu mereka untuk mendapat sambutan yang baik dalam pasaran dan juga merupakan suatu gaya inovasi yang baru dalam bidang muzik. (Seeni Naina Muhamad, 2009)

Valdes-Fallis (1978), dalam kajiannya di Amerika Syarikat, telah membuktikan bahawa kebanyakan komuniti imigren (berbangsa Itali) yang berdwibahasa secara perlahan-lahan memperbanyakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam semua aktiviti. Begitu juga keadaan masyarakat India di Malaysia. Selain dari aspek pertuturan, keadaan multilingual di Malaysia juga mempengaruhi masyarakat India untuk bercampur dan bertukar kod dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang hiburan khususnya dalam bidang seni muzik.

## **1.2    Penyataan Masalah**

Fenomena percampuran dan penukaran kod bukan sahaja wujud dalam pertuturan seharian, malah wujud juga dalam penulisan seperti lirik lagu yang dicipta oleh penyanyi atau penulis lagu. Menurut Holmes (2001), setiap bidang mempunyai laras bahasanya yang tersendiri. Menurutnya lagi, kata atau frasa yang digunakan dalam sesuatu bidang tidak semestinya dapat digunakan dalam bidang lain. Begitu juga dengan bidang hiburan yang mempunyai laras bahasa tersendirinya iaitu laras bahasa hiburan.



Muzik atau lagu adalah satu bentuk hiburan yang boleh dikatakan paling diminati setiap insan. Manusia tidak boleh dipisahkan daripada muzik. Mohd Nazri Ahmad Jabar (1980), menyatakan bahawa ahli antropologi di serata dunia mengakui bahawa belum pernah menjumpai lagi sesuatu kelompok manusia yang hidup tanpa muzik. Dalam tiap-tiap kebudayaan, muzik memainkan peranan bukan sahaja dalam upacara-upacara tertentu, tetapi juga dalam kehidupan peribadi individu.

Masyarakat India pula menggunakan muzik atau lagu dalam setiap peringkat kehidupan mereka, iaitu sejak kelahiran hinggalah disemadikan dalam lubang liat. Peranan lagu adalah untuk menyebarkan maklumat secara mudah dan berkesan (Mohd Nazri Ahmad Jabar, 1980). Dalam penggubahan lagu, muzik dan lirik lagu juga adalah penting. Ini kerana, corak bahasa yang digunakan dalam lagu akan mencerminkan atau melambangkan kedudukan sesuatu bahasa dengan jelas dalam masyarakat tersebut.

Pada tahun 1990an, boleh dikatakan munculnya era baru dalam bidang muzik masyarakat India tempatan (Seenii Naina Muhamad, 2009). Masyarakat India di Malaysia yang dahulunya hanya menghayati dan mempersembahkan lagu-lagu Tamil yang diimport dari India, telah mula mencipta lagu-lagu yang setanding dengan lagu-lagu Tamil dari India. Oleh kerana masyarakat Malaysia adalah masyarakat multilingual, maka penghasilan lirik lagu-lagu Tamil tempatan juga turut dipengaruhi pelbagai bahasa yang terdapat di Malaysia.

Kebanyakan penyanyi atau penulis lirik lagu-lagu Tamil di Malaysia didapati lebih cenderung untuk mencampuradukkan atau melakukan percampuran dan penukaran

kod dalam lirik lagu sehingga menjadi satu kebiasaan atau dilakukan tanpa disadari (Seeni Naina Muhamad, 2009). Berikut adalah contoh lirik sebuah lagu Tamil tempatan yang mempunyai percampuran kod, di mana terdapat perkataan-perkataan dari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

*hey heyyo* kactam konco ma:runko:,  
collu *ni*: eppo: ma:ra po:ri:nko:,  
*kepalakulla kacang kulit oh*  
mantakulla irukkum unno:ta *CPU karat oh*  
na:ttukkulla *ko:sa tinnu* ku:ttam rompa *lebat oh*  
ve:la vetti illa:ma ni: vetti tanama: cuttura  
kaiyila ka:cu panam illa:ma  
cettiya te:ti ni: o:tura  
aiyaiyo: yo: yo: makkale: itu enna kotumayo:  
anta pa:ttu ke:ttum puriyalayo: itu enna kotumayo:

(MA CARROT, 2009)

Percampuran dan penukaran kod sebegini mungkin dianggap sebagai hasil kreativiti dalam penggunaan bahasa dalam lagu-lagu Tamil tempatan. Oleh itu, terdapat suatu kecenderungan ke arah perkembangan bahasa Tamil yang berbeza daripada bahasa Tamil tulen. Maka dengan ini, wajarlah dikaji bentuk bahasa yang digunakan dalam lagu-lagu Tamil tempatan dari segi percampuran dan penukaran kod.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji fenomena percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Untuk mengetahui kekerapan dan bahasa yang sering digunakan dalam percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu- lagu Tamil tempatan.
- 2 Untuk menjelaskan percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan dari dimensi struktur linguistik.

- 3 Untuk menjelaskan percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan dari dimensi sosiolinguistik, iaitu faktor-faktor dan sikap pengguna bahasa.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Pengkaji telah menentukan soalan-soalan kajian berdasarkan objektif kajiannya supaya tidak menyeleweng daripada tajuknya. Berikut adalah beberapa persoalan yang timbul dan akan dikaji dalam penyelidikan ini:

- 1 Apakah kekerapan percampuran dan penukaran kod yang berlaku pada tahap perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan?
- 2 Apakah jenis bahasa yang paling kerap digunakan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan semasa Percampuran dan penukaran Kod?
- 3 Apakah pola-pola percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan?
- 4 Apakah struktur linguistik yang terhasil ketika berlakunya percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan?
- 5 Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena percampuran dan penukaran kod dalam penghasilan lirik lagu-lagu Tamil tempatan?
- 6 Apakah sikap para pendengar lagu terhadap percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk melihat kelainan dan keunikan bahasa Tamil yang terdapat dalam lagu-lagu Tamil tempatan yang semakin mendapat sambutan dalam kalangan muda-mudi India. Bahasa Tamil yang digunakan dalam lirik lagu-lagu Tamil di

Malaysia memperlihatkan satu variasi baru berbanding dengan bahasa Tamil tulen. Ini mungkin kerana berlakunya percampuran kod dan penukaran kod dalam kebanyakan lagu-lagu Tamil tempatan.

Kajian ini dirasakan penting sebab belum pernah ada satu bentuk kajian tentang penggunaan bahasa dalam lirik lagu-lagu Tamil Tempatan di Malaysia. Pengkaji menyedar bahawa kepelbagaian bahasa dan budaya yang terdapat di Malaysia telah banyak mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat India di Malaysia. Maka, kajian ini amat penting untuk menjelaskan sejauh manakah pengaruh pelbagai bahasa dan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia, terhadap lagu-lagu Tamil tempatan. Kajian ini juga akan mengupas sama ada bahasa majoriti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap bahasa minoriti.

Hasil kajian ini diharapkan akan memberi suatu gambaran sebenar tentang bentuk bahasa Tamil di Malaysia. Kajian ini akan memperlihatkan sama ada keaslian bahasa Tamil masih dikekalkan atau sedang berlakunya satu proses perubahan ke arah menghasilkan satu bentuk bahasa Tamil yang unik dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Ini kerana, secara pemerhatian kasar boleh dikatakan kebanyakan lagu Tamil yang dicipta di Malaysia menggunakan pelbagai bahasa yang terdapat di Malaysia seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan juga dielek-dielek tempatan dalam liriknya. Selain itu, cara penyampaian lagu Tamil tempatan dari segi sebutan juga mungkin berlainan dengan sebutan bahasa Tamil yang terdapat di Tamilnadu. Aspek-aspek ini akan dapat dijelaskan dalam penganalisan data kajian ini.

Kajian ini juga penting dan bermakna kerana pengkaji berharap ia akan dapat menarik minat lebih ramai ahli linguistik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam lagi tentang lagu-lagu Tamil tempatan.

## **1.6 Batasan Kajian**

Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada percampuran dan penukaran kod yang sering berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Oleh itu, lagu-lagu Tamil tempatan sahaja digunakan bagi tujuan kajian ini.

Terdapat beberapa gaya dalam penukaran kod dari satu bahasa kepada bahasa lain. Pengkaji memberi tumpuan kepada dua gaya yang utama iaitu percampuran *inter-sentential* dan *intra-sentential* (Scotton, 1988). Ini bermakna kajian ini akan menunjukkan percampuran kod yang berlaku dalam ayat dan antara ayat. Selain itu, pengkaji juga akan memberi tumpuan kepada penukaran kod iaitu satu keadaan di mana percampuran itu berlaku pada peringkat yang melebihi ayat ataupun berlaku pada peringkat beberapa ayat berturut-turut.

Lagu-lagu yang difokuskan dalam kajian ini merupakan lagu-lagu Tamil tempatan yang terkandung dalam 'ni:nka:ta nencil Voice Of mannin maintarkal 2010 – edisi ke-4', yang dikeluarkan oleh Digital Vision 72 (MP3). Terdapat sebanyak 65 buah lagu dalam MP3 ini. Kesemua lagu-lagu yang tersenarai dalam MP3 ini akan diambil kira sebagai sumber data utama kajian ini, dan pengkaji akan menggunakan kesemua lirik lagu-lagu tersebut dalam kajiannya dengan tidak mengambil kira jenis muzik. Lagu-lagu ini adalah koleksi lagu dari album, *telemovie* dan drama Tamil tempatan. Pengkaji hanya memilih lagu-lagu yang bersifat hiburan sahaja sebagai data kajian ini.

Ini adalah satu sebab mengapa pengkaji memilih MP3 ini di mana kesemua 65 buah lagu merupakan lagu Tamil tempatan berbentuk hiburan.

## **1.7 Definisi Operational**

Definisi ini merujuk kepada pengertian serta pemahaman terhadap istilah-istilah penting yang seringkali digunakan oleh pengkaji dalam operasi penulisan kajian ini. Diharapkan dengan penjelasan makna dan huraian kata yang diberikan akan melancarkan pembacaan dan pemahaman pembaca. Antara perkataan yang diberi penekanan oleh pengkaji untuk diberi definisi serta penjelasan adalah seperti berikut:-

### **1.7.1 Percampuran Kod dan Penukaran Kod**

Menurut Suthanthiradevi (2001), penggunaan istilah-istilah seperti percampuran kod (*code-mixing*), perubahan kod (*code alternation*), percampuran bahasa (*language mixing*), dan perpindahan kod (*code-shifting*) tidak dapat dielakkan dalam kajian penukaran kod. Beliau mendapati istilah-istilah ini muncul secara tekal dalam perpustakaan professional dan para sarjana jarang bersetuju mana yang harus digunakan dan pada waktu bila.

Wong Khek Seng (1991), menyimpulkan bahawa istilah percampuran kod dan penukaran kod itu tidak mempunyai perbezaan, selepas memperhatikan maksud yang diberikan oleh Di Pietro (1977), Trudgill (1974) dan Hudson (1980) masing-masing berpendapat bahawa pengalihan kod melibatkan penukaran daripada satu ragam bahasa kepada satu ragam bahasa yang lain dan penukaran tersebut dipengaruhi oleh faktor situasi dan masa.

### **1.7.2 Lirik Lagu**

Menurut Kamus Dewan (2005), lirik lagu adalah seni kata lagu yang merupakan gubahan muzik yang diiringi nyanyian yang dinyanyikan oleh seseorang penyanyi dengan nada dan melodi yang tertentu.

### **1.7.3 Masyarakat Dwibahasa**

Menurut Teo Kok Seong (1996), Masyarakat dwibahasa merujuk pada satu golongan manusia yang berkebolehan untuk berkomunikasi dalam dua bahasa. Menurut Ajid (1980), dalam Gunam (2005), kedwibahasaan merujuk kepada penggunaan dua bahasa secara silih ganti. Terdapat dua golongan penutur dwibahasa. Pertama, penutur dwibahasa subordinat yang bahasa keduanya tidak secepat bahasa pertama dan yang kedua, penutur dwibahasa koordinat di mana penuturnya mahir menggunakan kedua-dua bahasa pertama dan kedua.

### **1.7.4 Masyarakat polibahasa**

Istilah yang merujuk pada golongan yang berkebolehan berkomunikasi dalam lebih dari dua bahasa.

## **1.8 Kesimpulan**

Dari pengamatan pengkaji, didapati tidak banyak buku, kajian ilmiah, rencana, atau bentuk-bentuk tulisan yang membincangkan mengenai lagu-lagu atau muzik Tamil tempatan. Seni lagu merupakan suatu bidang yang sangat diminati semenjak akhir-akhir ini. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat umum khususnya masyarakat india untuk mengenali serba sedikit tentang aspek lagu Tamil tempatan yang sering kedengaran di radio seperti THR dan Minnal FM.

Lagu-lagu Tamil tempatan ini mempunyai gaya tersendiri dalam muzik mahupun dalam liriknya. Golongan etnik India, sebagai kumpulan minoriti, telah dipengaruhi pelbagai budaya dan bahasa rakyat Malaysia. Boleh dikatakan hampir setiap gerak-geri masyarakat India memperlihatkan pengaruh keMalaysiaannya. Tidak hairanlah jika lagu-lagu Tamil tempatan juga memiliki pengaruh kepelbagaian bahasa dan budaya Malaysia. Maka dengan ini, wajarlah dikaji bentuk bahasa yang digunakan dalam lagu-lagu Tamil tempatan.